

## Penglibatan Orang Cina dalam Perniagaan Candu di Kedah (1907–1934): Satu Analisis Interim

### *The Involvement of Chinese Community in Opium Business in Kedah (1907–1934): An Interim Analysis*

\*ROZAINI AHMAD<sup>1</sup>

MOHD ANNAS SHAFIQ AYOB<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Centre for Continuing Education, Sunway College, 2, Jalan Universiti, Bandar Sunway, 47500 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: rozainia@sunway.edu.my

**Published online:** 26 May 2025

**To cite this article:** Rozaini Ahmad and Mohd Annas Shafiq Ayob. 2025. Penglibatan orang Cina dalam perniagaan candu di Kedah (1907–1934): Satu analisis interim. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(1): 147–165. <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.8>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.8>

**Abstract.** *Opium became a commodity brought into Malaya on a large scale by the Chinese beginning in the early 18th century. The high demand for opium, especially in Kedah, allowed the opium market to be dominated by the Chinese. However, the arrival of the British broke the Chinese monopoly on the opium trade. This article discusses the role of the Chinese community in the opium trade in Kedah from 1907 to 1934. This research highlights the content analysis method as the main method of collecting data on the history of the Chinese in Kedah through the National Archives of Malaysia for the analysis of data on the role and contribution of the Chinese in the opium trade sector. The results of the study found that based on the Kedah government report records, the Chinese were actively involved in the opium trade starting at the end of the 19th century. Before the arrival of the British, the Chinese had to get permission from the Kedah government to run an opium business with a leasing system. Next, they invested capital to develop the opium business sector, resulting in the existence of opium farms and opium shops and became entrepreneurs and owners of opium shops. Most opium leases were monopolised by the Chinese, but the opium business was tightly controlled by the government after the arrival of the British with the establishment of the Monopoly and Customs Department. As a result, several policies involving the opium business were introduced by the government, causing a decline in Chinese involvement in the opium business.*

**Keywords and phrases:** *opium business, Chinese, Monopoly and Customs Department, Kedah, British*

**Abstrak.** Candu menjadi satu komoditi yang dibawa masuk ke Tanah Melayu secara besar-besaran oleh orang Cina bermula pada awal kurun ke-18. Permintaan terhadap candu yang tinggi khususnya di Kedah membolehkan pasaran candu dikuasai oleh orang Cina. Namun begitu, kedatangan British telah memecahkan monopoli perniagaan candu oleh orang Cina. Artikel ini membincangkan peranan masyarakat Cina dalam perniagaan candu di Kedah dari tahun 1907 sehingga 1934. Penelitian ini mengetengahkan metode analisis kandungan sebagai metode utama pengumpulan data berkenaan sejarah orang Cina di Kedah melalui Arkib Negara Malaysia bagi penganalisan data berkenaan peranan dan sumbangan orang Cina dalam sektor perniagaan candu. Hasil kajian mendapati bahawa berdasarkan rekod laporan kerajaan Kedah, orang Cina terlibat secara aktif dalam perdagangan candu bermula pada penghujung abad ke-19. Sebelum kedatangan British, orang Cina perlu mendapat kebenaran dari pemerintah Kedah bagi menjalankan perniagaan candu dengan sistem pajakan. Seterusnya, orang Cina menanamkan modal untuk membangunkan sektor perniagaan candu menyebabkan wujudnya ladang candu dan kedai candu, dan seterusnya menjadi pengusaha dan pemilik kedai-kedai candu. Kebanyakan pajakan candu dimonopoli oleh orang Cina, namun perniagaan candu dikawal ketat oleh kerajaan setelah kedatangan British dengan tertubuhnya Jabatan Monopoli dan Kastam. Kesannya, beberapa polisi membabitkan perniagaan candu diperkenalkan oleh kerajaan menyebabkan kemerosotan penglibatan orang Cina dalam perniagaan candu.

**Kata kunci dan frasa:** candu, orang Cina, Jabatan Monopoli dan Kastam, Kedah, British

## Pendahuluan

Amalan menghisap candu menjadi satu kebiasaan dalam kalangan orang Cina sehingga dianggap sebagai satu cara bersosial seperti seakan-akan menawarkan teh kepada tetamu dalam budaya masyarakat Cina (Marimuthu dan Nair 2020). Di samping itu, candu merupakan komoditi yang sangat penting di China terutamanya dalam perubatan sehingga dianggap sama dengan emas (Marimuthu dan Mohd Firdaus 2020). Budaya menghisap candu telah diperkenalkan oleh kaum imigran dari Tanah Besar China yang datang ke Asia Tenggara pada awal kurun ke-18. Kebanyakan imigran Cina pada ketika itu menghisap candu yang dibawa dari China. Amalan ini telah menjadi tradisi dalam kalangan masyarakat Cina sebagai alternatif untuk mengurangkan tekanan perasaan dan keletihan selepas seharian melakukan kerja berat di lombong bijih timah (Amer Fawwaz dan Noraini 2021).

Kemasukan orang Cina ke dalam sektor ekonomi Kedah dengan menjalankan perniagaan khususnya candu<sup>1</sup> secara tidak langsung menyebabkan perdagangan candu dikuasai oleh mereka. Dari sudut geografi, kewujudan Pulau Pinang dan Singapura sebagai pusat perdagangan candu utama pada abad ke-19 telah memberikan kesan limpahan ekonomi kepada negeri Kedah. Sebelum campur tangan British, masyarakat Cina telah menguasai keseluruhan rangkaian perniagaan candu di Kedah, termasuk aktiviti penanaman, pemprosesan dan pengedaran.

Penguasaan ini berkait rapat dengan budaya pengambilan candu yang diperkenalkan oleh golongan imigran Cina sendiri menjadikan penggunaan candu sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan harian mereka (Amer Fawwaz dan Noraini 2021). Kehadiran orang Cina dalam pelbagai sektor ekonomi telah merancakkan lagi sektor ekonomi di Tanah Melayu, lebih-lebih lagi di negeri Kedah. Bahkan, tidak dinafikan bahawa penglibatan bahawa mereka sangat penting kerana orang Cina telah menguasai sektor ekonomi yang sedia ada seperti perlombongan bijih timah dan perniagaan runcit seperti beras. Justeru, penglibatan orang Cina dalam sektor ekonomi khususnya perniagaan candu tidak dapat dielakkan (Rozaini dan Mohd Annas 2021).

Kajian Wu (2003) dalam *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882–1941: Kedah and Penang* menyatakan peranan orang Cina di Kedah dalam rangkaian ekonomi sangat ketara pada ketika itu. Menurut Wu (2003), orang Cina mempelbagaikan jalur pelaburan mereka dalam bidang perkapalan, pertanian, perladangan dan kegiatan komersial termasuk sektor komoditi candu namun beliau tidak menamakan secara khusus keluarga Cina yang terlibat dalam perdagangan candu tersebut. Seterusnya, kajian berkenaan menghisap candu dan kempen anticandu serta penglibatan orang Cina yang signifikan telah disentuh oleh Marimuthu dan Mohd Firdaus (2020) dalam makalah bertajuk “Opium Smoking Suppression Campaigns and the Role of Anti-Opium Movements in the Federated Malay States, 1906–1910” namun mereka hanya menyentuh sepintas lalu berkenaan kegiatan candu di Kedah dan lebih memfokuskan kepada kegiatan candu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sahaja. Selain itu, Sharom (1970) turut membincangkan hasil kutipan keuntungan daripada perdagangan candu di Kedah serta peranan penting orang Cina dalam perdagangan candu sepanjang tahun 1897 sehingga 1901 dalam “The Structure of the Economy of Kedah, 1879–1905”.

Kegiatan perdagangan candu di Tanah Melayu dijalankan oleh pedagang Cina sehingga menjadi satu komoditi utama perdagangan ketika itu. Majoriti pembeli dan pengguna candu di Tanah Melayu, khususnya di Kedah, merupakan orang Cina. Perniagaan candu menjadi sangat penting dalam menyumbang hasil pendapatan yang lumayan kepada Kedah dan British (Lim dan Nordin 2017). Oleh yang demikian, analisis teks digunakan dengan metode pengumpulan data bersumberkan dokumen dan surat berkaitan yang melibatkan sumber sekunder seperti laporan tahunan bagi negeri Kedah bermula dari tahun 1895 sehingga 1934 serta sumber primer yang lainnya. Dalam usaha mengumpulkan data, kajian kepustakaan turut dilaksanakan dengan melakukan kajian berdasarkan data diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia. Analisis data turut dibuat bagi memperjelas peranan orang Cina dalam komoditi candu seperti peranan awal mereka dalam pengenalan candu, jumlah pendapatan candu, buruh Cina yang terlibat serta kedai dan pajak candu

yang ditubuhkan. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan dan menganalisis secara interim tentang peranan dan sumbangan utama orang Cina dalam perniagaan candu di Kedah dari tahun 1907 sehingga 1934 iaitu beberapa tahun sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua. Selain itu, perbincangan ini turut melihat kesan penubuhan Jabatan Monopoli dan Kastam terhadap kegiatan pajakan orang Cina di Kedah dan kedai-kedai pajakan candu yang bermula dengan pajakan cukai candu yang pada awalnya dikendalikan oleh firma dari Pulau Pinang sejak abad ke-19. Firma tersebut mengambil pajakan utama di Kedah iaitu pajakan candu dan arak (Andaya dan Andaya 1983).

### **Latar Belakang Awal Penglibatan Orang Cina dalam Perniagaan Candu di Kedah**

Candu merupakan satu komoditi penting yang diperdagangkan di Kedah pada akhir abad ke-19. Antara rekod terawal berkenaan perdagangan candu di negeri tersebut ialah laporan British pada tahun 1889 yang merekodkan hasil kutipan daripada perdagangan candu dan minuman beralkohol berjumlah \$38,000. Nilai ini merujuk kepada dolar Negeri-negeri Selat (*Straits Settlements dollar*), iaitu mata wang yang digunakan secara meluas dalam urusan perdagangan di rantau ini semasa era penjajahan British (CO 273/160 1889). Selain itu, sepanjang tahun 1895 hingga 1905, hasil kutipan daripada perdagangan candu direkodkan telah mencapai hasil keuntungan sebanyak suku daripada nilai setengah juta dolar pendapatan negeri Kedah. Keadaan ini menunjukkan candu merupakan komoditi yang sangat penting dalam menyumbang hasil pendapatan Kedah pada masa tersebut. Semua aktiviti perdagangan candu ini dimonopoli dan diusahakan oleh pedagang Cina yang berada di Kedah dan Pulau Pinang (Sharom 1970).

### **Monopoli Orang Cina dan Hasil Candu di Kedah**

Penglibatan orang Cina secara ketara dalam perniagaan candu di Kedah bermula pada tahun 1907 ketika berlakunya peningkatan pemodal dari tahun ke tahun dengan bertambahnya pemodal Cina dalam perniagaan candu seperti Choong Cheng Kean, Lim Kek Chuan, Lim Eow Hong, Goh Teik Chee, Quah Beng Kee, Yeo Boon Chit, Cheah Tatto, Lim Cheng Teik dan lain-lain (Wu 1999). Laporan tahunan negeri Kedah bermula dari tahun 1907 hingga 1919 menunjukkan peningkatan ketara hasil keuntungan berdasarkan perniagaan candu di Kedah (CO 716/1 1911). Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan jumlah pendapatan perniagaan candu yang dimonopoli oleh orang Cina yang direkodkan dalam bentuk tahlil (seperti dalam Jadual 1).

**Jadual 1.** Jualan candu di Kedah, 1907–1919

Tahun	Tahil
1907	262,914
1908	236,400
1909	225,000
1910	195,540
1911	234,264
1912	230,550
1913	207,000
1914	202,699
1915	229,795
1916	224,329
1917	279,062
1918	264, 062
1919	275,872

*Sumber:* CO 273/399/22173 1913; Diubah suai daripada *Kedah Annual Report* dari tahun 1907 sehingga 1919

Berdasarkan jadual tersebut, hasil penjualan candu mengalami penurunan pada tahun 1910. Penurunan hasil berlaku kerana pihak kerajaan telah mula mengambil alih monopoli candu, sekali gus menyebabkan skala penjualan candu mengalami penurunan (Nadaraja 2016). Sebelum tahun 1910, jualan candu dijalankan secara runcit dan persendirian oleh orang Cina di Kedah. Penurunan jualan candu pada tahun tersebut juga berlaku disebabkan ketiadaan kegiatan pengimportan candu mentah dari Pulau Pinang. Hal ini disebabkan kilang candu di Pulau Pinang telah mengambil alih proses penghasilan sendiri candu daripada bahan mentah sehingga peringkat pembungkusan. Oleh itu, hanya candu yang siap diproses diimport oleh orang Cina untuk dijual di Kedah. Pada asalnya, orang Cina mengimport candu mentah dari Pulau Pinang bagi pasaran Kedah.<sup>2</sup> Kemudian, candu-candu mentah tersebut akan diproses oleh orang Cina persendirian sehingga peringkat pembungkusan di Kedah. Setelah semua operasi tersebut selesai, penjualan candu secara langsung kepada pelanggan akan dijalankan. Walaupun demikian, jumlah candu yang diimport sebelum tahun 1910 tidak dapat dinyatakan ekoran ketiadaan rekod yang jelas (CO 273/399/22173 1913).

Jumlah jualan candu menunjukkan peningkatan semula bermula pada tahun 1911. Peningkatan hasil jualan ini disebabkan oleh kemasukan ramai orang Cina di Kedah pada abad ke-20 secara berterusan. Selain itu, pembukaan banyak ladang-ladang getah turut menjadi titik tolak kenaikan hasil keuntungan candu di Kedah (CO 273/399/22173 1913). Setiap daerah di Kedah yang ramai dengan penduduk Cina menunjukkan peningkatan hasil keuntungan daripada penjualan candu (CO 273/373/13051 1911; CO 273/373 1911). Sebagai contoh, daerah Yan, Baling dan Kerian telah direkodkan pada tahun 1911 sebagai kawasan yang mempunyai populasi Cina yang tinggi, sekali gus menyumbang kepada peningkatan jumlah peniaga candu berlesen di kawasan tersebut. Sebaliknya, Langkawi dan Sanglang mencatatkan hasil penjualan candu yang rendah disebabkan harga jualan yang tidak kompetitif (CO 273/373 1911). Penurunan harga ini berpunca daripada kelemahan pengurusan ladang candu serta jumlah penduduk Cina yang sedikit di kawasan berkenaan.

Hasil penjualan candu begitu penting dalam menyumbang pendapatan Kedah memandangkan Kedah mempunyai kekurangan sumber bahan mentah asli berbanding negeri-negeri Melayu yang lain. Sebagai contoh, pada tahun 1910, hasil pendapatan keseluruhan daripada ladang candu yang diusahakan oleh masyarakat Cina dan bukan Cina mencatatkan jumlah sebanyak \$212,400, melebihi hasil pendapatan daripada sektor penanaman padi yang berjumlah \$102,500 (Sharom 1970). Seterusnya pada tahun 1912, candu telah menyumbang sebanyak 43% daripada hasil pendapatan negeri yang melebihi hasil pendapatan komoditi lain seperti getah, padi dan ubi kayu. Selepas Undang-undang Candu 1918 diperkenalkan, candu masih lagi berada pada kedudukan utama bagi keseluruhan hasil pendapatan negeri yang paling banyak (seperti ditunjukkan dalam Rajah 2). Sepanjang tahun 1918 sehingga 1919 dan tahun 1919 sehingga 1920, hasil keuntungan candu mencatatkan sebanyak 45% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kedah. Namun demikian, pada tahun 1920 sehingga 1921, candu hanya menyumbang sebanyak 30% hasil dari keseluruhan pendapatan Kedah berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 45%. Perkara ini disebabkan peralihan sektor ekonomi Kedah kepada penanaman getah (Rozaini dan Mohd Annas 2021).

**Jadual 2.** Peratusan hasil kerajaan Kedah, 1918–1921

Senarai Hasil	1918–1919 (%)	1919–1920 (%)	1920–1921 (%)
Monopoli candu	45	45	30
Kastam (arak dan tembakau)	9.5	9.5	11
Kastam (lain-lain)	10.5	11.5	10
Hasil tanah	18	20	25.5
Lain-lain	17	14	23.5
Jumlah	100	100	100

Sumber: Jen (1982, 25)

Kawasan tanaman candu di Kedah diusahakan oleh orang Cina di beberapa buah daerah seperti di Kota Setar, Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap, Yan, Kuala Muda, Baling, Kulim dan Bandar Bharu. Kesemua daerah ini menjadi penyumbang hasil pendapatan yang tinggi kepada kerajaan dan berada di bawah kawalan Jabatan Monopoli dan Kastam (SUK K 2685/1351 1933). Di samping itu, terdapat juga beberapa tauke Cina yang berkhidmat dalam Jabatan Monopoli dan Kastam ini berperanan sebagai *chinteng*<sup>3</sup> dalam menguruskan hal candu seperti Cheng Kean, Cheng Kai Wek dan Tan Ah Jit. Jadual 3 menunjukkan jumlah hasil yang diperoleh kerajaan hasil penjualan candu yang berada di bawah kawalan Jabatan Monopoli bermula pada tahun 1912 sehingga 1919 dan juga sepanjang tahun 1921 sehingga 1930 di bawah Jabatan Monopoli dan Kastam (SUK K 2905/1338 1920).

Bermula dari tahun 1912 hingga 1916, purata hasil terkumpul candu tidak melebihi \$1,500,000. Pada tahun 1912 misalnya, hasil yang terkumpul adalah sebanyak \$1,257,933, namun hasil keuntungan candu pada tahun berikutnya terus menurun. Hal ini kerana dalam tempoh tersebut, pihak kerajaan mula melakukan kawalan terhadap perniagaan candu yang melibatkan aktiviti import dan jual beli. Peraturan-peraturan penjualan candu turut diperketat lantas menjadi halangan kepada pemajak-pemajak candu untuk menjual candu secara bebas. Selain itu, hanya pihak kerajaan sahaja yang boleh melakukan pemberian hak untuk menjual candu di bawah sistem pajakan candu. Justeru, pihak kerajaan telah menghentikan pemberian pajak bagi tempat menghisap candu kepada orang awam. Kerajaan menetapkan agar kegiatan menghisap candu hanya dijalankan di Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim (SUK K 862/1347 1927).

**Jadual 3.** Hasil terkumpul jualan candu di Kedah, 1912–1930

<b>Tahun</b>	<b>Hasil Jualan (\$)</b>
1912	1,257,933
1913	1,059,177
1914	1,059,178
1915	1,051,174
1916	1,392,571
1917	1,902,940
1918	2,330,158
1919	2,976,718
1921	3,029,755
1922	3,590,811
1923	4,037,574
1924	4,243,343
1925	3,012,834
1926	2,633,168
1927	2,925,265
1928	2,262,759
1929	2,142,292
1930	1,285,759

*Sumber:* Diubah suai daripada *Kedah Annual Report* dari tahun 1912 sehingga 1930

Bermula dari tahun 1918 sehingga 1924, hasil keuntungan penjualan candu mula meningkat. Sebagai contoh, sebanyak \$2,330,158 hasil penjualan candu dikutip pada tahun 1918 dan jumlah kutipan hasil meningkat pada tahun seterusnya sehingga pada tahun 1924 yang mencatatkan hasil sebanyak \$4,243,343. Peningkatan hasil candu dikaitkan dengan pertambahan jumlah lombong bijih timah yang dibuka. Hal ini kerana kebanyakan pemilik kawasan lombong akan sentiasa membekalkan candu kepada buruh mereka yang terdiri daripada orang Cina dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan hasil penjualan candu. Walaupun begitu, hasil candu menunjukkan penurunan pada penghujung tahun 1930 kepada sejumlah \$1,285,759 berbanding \$2,142,292 pada tahun sebelumnya. Situasi ini berpunca daripada wujudnya gerakan anti-candu yang dipelopori oleh masyarakat Cina sendiri terutamanya di Negeri-negeri Selat seperti Pulau Pinang sehingga menyebabkan penurunan komoditi candu (Lim dan Nordin 2017).

## **Kawalan dan Pentadbiran Candu oleh Kerajaan**

Kerancakan pengusaha Cina memonopoli hasil ekonomi negeri Kedah telah menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan pentadbiran British. Selepas campur tangan British ke Kedah secara langsung pada tahun 1909, penyusunan semula badan-badan penting dalam kerajaan Kedah telah dilakukan. Penyusunan ini melibatkan perubahan dalam aspek pentadbiran, peraturan dan undang-undang negeri. Pada masa ini, proses penghapusan dan penarikan semula keistimewaan yang dikurniakan oleh sultan pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 telah dilaksanakan. Keistimewaan ini merujuk kepada pihak yang memperoleh kurniaan daripada sultan Kedah seperti pengurniaan ampun kurnia,<sup>4</sup> pelepasan pembayaran cukai dan sebagainya (Mahani 2005). Penghapusan sistem ampun kurnia ini diambil demi kepentingan kerajaan (Wan Shamsudin 2006). Semasa era campur tangan British ini, pegawai-pegawai yang dilantik telah diberi kuasa untuk mengutip cukai dan hasil negeri. Seterusnya, cukai-cukai yang dikutip tersebut pula akan dimasukkan ke dalam perbendaharaan negeri (Mustafa 1970). Pada bulan November 1909, kerajaan Kedah telah mengambil langkah untuk menarik semula ampun kurnia. Justeru, pengutipan cukai mula dikendalikan oleh pihak British secara sepenuhnya dan pelbagai peraturan baru diperkenalkan oleh kerajaan bagi memastikan pulangan baik kepada ekonomi negeri (Mohd Isa 2001).

Sistem baru yang diperkenalkan pihak kerajaan adalah berdasarkan sistem tender. Sistem ini merujuk kepada tawaran tender-tender baru oleh kerajaan kepada sesiapa yang membuat permohonan untuk berniaga candu. Petender yang terpilih kebiasaannya ialah mereka yang meletakkan cagaran paling tinggi dan kebanyakannya pula datang daripada kalangan peniaga Cina. Pada tahun 1919, Majlis Mesyuarat Negeri Kedah telah memutuskan bahawa syarat-syarat pajakan perlu dimasukkan dalam setiap perjanjian. Salah satu syarat yang dinyatakan ialah pemajak tidak dibenarkan membuat gadaian atau memberi pajakan-pajakan kepada orang lain melainkan hanya dengan kebenaran Majlis Mesyuarat Negeri (Majlis Mesyuarat Negeri 1919). Namun, pihak Majlis Mesyuarat Negeri turut mengambil langkah proaktif dengan menyatakan bahawa setiap pemajak lama dibenarkan untuk meneruskan pajakan sehingga tamat tempoh pajakan sedia ada, namun hasil pajakan yang bakal diterima akan dikutip oleh Majlis Mesyuarat Negeri seperti yang dinyatakan dalam laporan tahunan negeri Kedah iaitu "every month some of farm expires and the government itself collects the revenue" (CO 716/2 1931).

Setelah candu berada di bawah kawalan kerajaan, undang-undang candu diperkenalkan bagi menjaga kepentingan kerajaan. Pada masa tersebut, candu yang berada di bawah kawalan kerajaan dikenali sebagai “candu kerajaan” dan kerajaan akan mengawasi setiap pemegang lesen pengusaha candu sepanjang mereka menjalankan kegiatan penjualan candu. Selain itu, kawalan tersebut adalah berdasarkan kepada Undang-undang Candu yang diperkenalkan oleh British pada tahun 1914. Undang-undang ini kemudiannya digantikan dengan Undang-undang Candu 1918.<sup>5</sup> Perkara 26 Undang-undang Candu 1914 menjelaskan berkenaan lesen-lesen untuk menjual candu. Berdasarkan undang-undang tersebut, terdapat dua jenis pemegang lesen menjual candu. Golongan pertama ialah pemegang lesen menjual candu kerajaan yang mendapat kelonggaran daripada kerajaan. Pemegang lesen tersebut dibenarkan untuk menghisap candu di luar rumah dan mereka akan dikenakan bayaran lesen sebanyak \$2 sebulan. Golongan kedua pula ialah pemegang lesen menjual candu kerajaan yang memohon sebuah kedai atau “rumah pajak buloh”. Dalam kategori ini, candu hanya boleh dijual kepada penghisap candu di dalam rumah pajak buloh tersebut sahaja dengan bayaran lesen sebanyak \$6 sebulan. Sementara itu, individu yang hendak membeli candu juga perlu memiliki lesen khas dan candu yang dibeli akan dibungkus dalam daun buluh dengan sukatan yang tertentu (Faridah 1983).

Lesen bagi rumah pajak buloh hanya diberikan sekiranya penguasa candu berpuas hati, dengan syarat bahawa keadaan rumah tersebut terurus dan tiada kekotoran (The Chandu Enactment 1337 1919). Pada tahun 1915, terdapat sebanyak 55 permohonan tender bagi membuka kedai menjual candu di Kedah dengan kesemua pemohon terdiri daripada orang Cina. Daripada jumlah tersebut, 22 permohonan datang dari daerah Kuala Muda (Nadaraja 2016). Sistem pajakan candu di Kedah sebelum dan selepas campur tangan British berlaku dalam dua bentuk iaitu sama ada (1) dengan memajak kegiatan perniagaan candu yang sedia ada atau (2) pajakan candu dikeluarkan berdasarkan tender daripada kerajaan. Tujuan sistem pajakan tersebut adalah untuk mengelakkan berlakunya penyeludupan. Kegiatan menghisap candu menjadi sangat berleluasa disebabkan oleh perkembangan sektor bijih timah dengan semakin pesatnya pembukaan lombong-lombong. Pihak British telah menubuhkan Jabatan Monopoli yang berperanan sebagai ketua jabatan dalam mengendalikan pengeluaran dan hasil candu. British turut mengambil langkah mengawal keuntungan candu setelah mengetahui candu menjadi penyumbang penting hasil ekonomi tunggal negeri. Penubuhan Jabatan Monopoli bermula daripada dasar yang dibuat oleh British iaitu Dasar Monopoli Kerajaan pada tahun 1911 (Marimuthu dan Nair 2020). Jabatan tersebut diketuai oleh Wan Yahaya sebagai penguasa pertama jabatan tersebut (CO 716/1 1910). Seterusnya jabatan ini diketuai oleh Tunku Kassim yang menggantikan Wan Yahya untuk mengutip cukai bagi semua pemegang tender (CO 716/2 1923).

Jabatan Monopoli berpusat di Alor Setar dan cawangan-cawangan lain pula terletak di Kuala Muda dan Kulim. Penjualan candu di ketiga-tiga kawasan ini hanya dilakukan oleh pihak kerajaan sahaja, sama ada secara borong mahupun runcit. Misalnya, pihak kerajaan tidak membenarkan sesiapa pun menjalankan jualan runcit candu di pekan-pekan besar seperti Alor Setar manakala penjualan borong pula dibenarkan kepada mereka yang mempunyai lesen sahaja dan dibolehkan menjual di pekan-pekan kecil dan di kampung-kampung (Nadaraja 2016). Walaupun British campur tangan dalam hal perolehan ladang candu, perkara ini tidak memberi kesan negatif kepada hasil candu sebagai penyumbang utama ekonomi Kedah sehingga tahun 1911 (*Kedah Annual Report 1905–1911*). Sistem pentadbiran yang lebih teratur dilaksanakan bagi setiap perusahaan seperti pengusaha candu mesti mendapat lesen daripada kerajaan dan diharuskan untuk membayar cukai. Sekiranya sebelum ini, peniaga Cina yang mendapat ampun kurnia memonopoli perniagaan candu akan mempersembahkan hasil kepada sultan, berbeza pula keadaannya dengan selepas penubuhan jabatan ini kerana seseorang akan dilantik untuk memegang jawatan sebagai pegawai daerah dan *habour master* (penguasa pelabuhan). Beliau akan bertanggungjawab untuk mengutip cukai ke atas candu dan minuman keras. Segala hasil akan kembali terus dalam kawalan British (CO 716/2 1921).

Peranan pengusaha Cina masih tidak dapat dinafikan kerana majoriti mereka masih mengendalikan perniagaan candu di Kedah walaupun terdapat campur tangan British di negeri tersebut. British menggalakkan pengusaha atau peladang terutamanya orang Cina untuk menambahkan penjualan candu dan pada masa yang sama, mengawasi aktiviti penyeludupan (Wong 1965). Candu juga saling berkaitan dengan setiap kegiatan ekonomi yang melibatkan orang Cina seperti kegiatan pengilangan beras. Pengusaha-pengusaha kilang beras yang terdiri daripada orang Cina turut mengambil lesen untuk menjual candu kepada buruh-buruh di kilang mereka. Langkah tersebut diambil bagi memastikan setiap buruh mereka bergantung kepada pihak kilang secara berterusan untuk mendapatkan candu dan sebagai cara untuk pengusaha kilang mengikat para buruh mereka (SUK K 1458/1331 1913).

Selain itu, pengenalan undang-undang candu dan pendaftaran penghisap candu telah memberi kesan yang besar kepada pengusaha atau tauke-tauke Cina yang terlibat dalam kegiatan perniagaan candu. Pihak kerajaan memandang serius tentang aspek undang-undang bagi memastikan pentadbiran negeri stabil. Dalam pada itu, kepelbagaian kegiatan ekonomi juga turut menyumbang kepada berlakunya pelanggaran undang-undang dalam negeri. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang diperlukan bagi mengatasi sebarang kes pelanggaran yang berlaku. Oleh itu, terdapat ramai tauke Cina telah mengambil langkah untuk mencuba sektor ekonomi lain bagi mengimbangi pendapatan dan keuntungan kerana mereka cuba

untuk mengelak daripada berlakunya kerugian dalam sektor-sektor ekonomi yang diusahakan. Dengan itu, pelaburan-pelaburan dalam ekonomi lain dilakukan bagi mengatasi setiap perubahan yang berlaku dalam negeri.

### **Kemerosotan Penglibatan Orang Cina dalam Perniagaan Candu**

Sebelum kedatangan British, terdapat penurunan hasil penjualan candu direkodkan dari tahun 1907 sehingga 1909 disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah para pelombong Cina berhenti menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah dan kemudiannya melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi lain. Pelombong bijih timah merupakan golongan yang sangat aktif membeli candu. Selain itu, faktor penularan penyakit kolera di kawasan perlombongan turut memberi kesan negatif terhadap kesihatan para pelombong yang menyebabkan mereka berhenti daripada kegiatan perlombongan (CO 273/399/22173 1913).

Penyusunan badan-badan penting dan pengenalan sistem tender oleh British telah memecahkan monopoli orang Cina dalam urusan perniagaan candu seperti pengimportan candu mentah dan memasak candu. Mereka yang mendapat lesen daripada kerajaan sahaja dibenarkan untuk melakukan penjualan candu. British turut menetapkan bahawa Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu diarahkan untuk membeli candu masak dari Negeri-negeri Selat. Tujuannya adalah untuk mendapatkan keuntungan maksimum dari negeri-negeri yang dikuasai British (Purcell 1984). Sebelum tahun 1910, candu yang dibawa masuk ke Kedah telah diproses di Pulau Pinang dan dihantar ke Kedah. Namun menjelang tahun 1910, candu tidak lagi dimasak atau diproses di Pulau Pinang kerana pada bulan Mei 1910, kilang pemprosesan candu di Pulau Pinang telah ditutup dan proses tersebut diambil alih oleh kilang di Singapura. Walaupun demikian, kilang candu Pulau Pinang masih berperanan dalam pembungkusan candu (CO 716/1 1910).

Walaupun kegiatan monopoli pengusaha Cina terhadap candu semakin berkurangan, namun hasil keuntungan penjualan candu tetap menjadi hasil utama kepada Kedah. Dalam hal ini, pengusaha-pengusaha Cina telah mengatur strategi bagi mengekalkan perniagaan candu di Kedah. Strategi pertama adalah menjalin hubungan erat dengan keluarga diraja Kedah bagi memastikan perlindungan politik dan sosial. Strategi kedua melibatkan usaha untuk memihak kepada pihak British di Pulau Pinang dan Singapura, khususnya bagi mendapatkan sokongan, termasuk bantuan kewangan. Sementara itu, strategi ketiga merujuk kepada kemampuan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan dalam bidang ekonomi, antaranya melalui pelaburan modal dalam sektor penanaman baharu yang berpotensi (Wu 1999). Sebagai contoh, mereka telah melabur modal terhadap kegiatan perlombongan, tanaman ubi kayu, kelapa, getah dan lain-lain.

Walaupun jumlah keseluruhan hasil pendapatan candu meningkat sejak campur tangan British, namun kesan secara tidak langsung terhadap perdagangan candu orang Cina tetap wujud. Menurut Choong Cheng Kean, seorang ketua saudagar Cina di Kedah, pendapatan ladang candu beliau pada tahun 1910 telah mengalami kemerosotan hasil kesan campur tangan British. Walaupun kemerosotan hasil candu dialami pengusaha candu secara individu, namun perkara tersebut tidak menggugat kedudukan perolehan candu sebagai pendapatan utama kerajaan. Sejak kerajaan mengambil langkah pengawalan terhadap perolehan hasil candu, kedudukan kewangan kerajaan masih berada pada tahap yang baik (CO 717/15 1921). Oleh itu, perencanaan dalam pentadbiran Kedah digalurkan secara sistematik oleh British, terutamanya bagi menyusun semula corak perkembangan ekonomi negeri khususnya berkaitan perdagangan candu. Selain itu, kesan peralihan kuasa juga menjadi faktor penting perubahan dalam aspek pengawalan setiap bentuk ekonomi negeri selain daripada candu. Pembabitan orang Cina secara langsung dilihat memberi kesan yang jelas dalam perkembangan ekonomi Kedah.

### **Kesan Campur Tangan British terhadap Kedai Runcit dan Penghisap Candu Cina**

Kesan penubuhan Jabatan Monopoli telah membawa kepada penyelarasan perniagaan candu di Kedah. Di bawah jabatan ini, setiap kedai runcit candu mesti mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Misalnya di Kulim, kedai runcit candu berlesen yang dimiliki oleh tauke Cina telah mengupah orang Sikh dan orang Melayu sebagai penjaga kedai untuk menjadi kerani di bahagian pengiraan stok candu. Tauke kedai harus memastikan candu yang dijual adalah secara dalam tin atau bungkusan seperti yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kemudian, tin atau bungkusan tersebut mesti disahkan dan ditulis dengan tulisan Melayu dan Cina dengan menggunakan perkataan “Kedah Government Chandu” (CO 716/1 1909–1910). Syarat ini digunakan di seluruh negeri Kedah bagi mereka yang menjalankan jualan candu. Sehingga tahun 1911, terdapat 66 buah kedai runcit candu dan 30 rumah hisap candu di Kedah dan semua pemilik kedai runcit candu ini adalah berlesen di bawah enakmen candu (CO 716/1 1911).

Selanjutnya pada tahun 1920, kerajaan telah memperkenalkan peraturan-peraturan baharu yang lebih ketat terutamanya dalam perkara berkaitan penjualan candu kepada pekedai-pekedai candu yang berlesen. Majlis Mesyuarat Negeri telah menetapkan bahawa jualan candu akan dikurangkan sebanyak 10% dalam negeri Kedah bermula pada tahun 1920 manakala pejabat candu tidak dibenarkan menjual candu dalam kadar yang lebih kepada kedai-kedai kecil yang menjual candu. Sebagai contoh, kerajaan telah menetapkan bahawa sebuah kedai tidak boleh menjual candu lebih daripada 500 tahlil sebulan sehingga akhir tahun 1920.

Langkah kerajaan ini adalah bagi memastikan bahawa setiap kedai candu yang beroperasi di negeri Kedah mematuhi syarat-syarat serta untuk mengelakkan berlakunya penyeludupan candu (*Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, 1919–1920, No. 14* 1920). Selaras dengan itu, kerajaan sentiasa melakukan kawalan dengan mengambil langkah proaktif dalam memastikan setiap penghisap candu dipantau dan bilangan mereka didaftarkan.

Ramai penghisap candu terdiri dalam kalangan orang Cina yang bekerja sebagai buruh di lombong bijih timah. Pada abad ke-19 hingga awal bulan Januari 1930, pengambilan candu didapati dijalankan secara berleluasa tanpa dikenakan syarat-syarat yang ketat. Oleh yang demikian, kerajaan telah memperkenalkan Undang-undang Pendaftaran Penghisap Candu dan digazetkan sebagai Notis 398 di bawah Enakmen Candu 1932 (SUK K 2747/1351 1932). Pihak kerajaan telah mengeluarkan arahan agar notis tersebut dibuat salinan sebanyak 50 keping. Seterusnya, notis tersebut diberikan kepada para penghulu setiap mukim untuk ditampal di kawasan orang ramai (SUK K 3891/1352, Closure of Register for Opium Smokers 1934). Disebabkan jumlah penghisap candu yang semakin bertambah, kerajaan telah mengambil langkah bagi memastikan setiap penghisap candu adalah berdaftar. Jadual 4 menunjukkan bilangan penghisap candu berdaftar yang telah direkodkan sepanjang tahun 1930 hingga 1934.

**Jadual 4.** Jumlah penghisap candu berdaftar, 1930–1934

Bangsa	Tahun (Orang)				
	1930	1931	1932	1933	1934
Cina	6,302	4,224	3,322	2,020	3,162
Lain-lain	695	545	271	93	204

*Sumber:* SUK K 614/1350 (1930); SUK 604/1352 (1931); SUK K 3891/1352, Closure of Register for Opium Smokers (1934)

Berdasarkan jadual tersebut, jumlah penghisap candu direkodkan bermula tahun 1930 setelah undang-undang dikuatkuasakan. Berdasarkan Undang-undang Pendaftaran Penghisap Candu, orang Cina dewasa yang ingin mendaftar sebagai penghisap candu perlu menyerahkan maklumat seperti nama, suku, pekerjaan dan alamat kepada kerani yang mengendalikan pendaftaran di mana-mana kedai candu kerajaan yang dipilih oleh pihak penguasa.<sup>6</sup> Peraturan pendaftaran ini dikuatkuasakan pada tahun tersebut setelah jumlah penghisap candu didapati meningkat dengan cepatnya. Langkah ini bagi memastikan pengaliran candu lebih terkawal di samping menyumbang kepada pendapatan negeri. Berdasarkan Jadual 4 juga, jumlah penghisap candu dalam kalangan orang Cina dari tahun 1930

hingga 1934 didapati menurun kerana kesedaran berkenaan keburukan menghisap candu. Kempen gerakan anticandu pula telah lama digerakkan sejak awal abad ke-20 lagi (Marimuthu dan Mohd Firdaus 2020).

Faktor yang menyebabkan buruh-buruh Cina menghisap candu dan secara tidak langsung hanya bergantung dengan candu secara berterusan adalah kerana mereka terpisah dengan isteri dan anak-anak. Bagi mengisi kesunyian tersebut, mereka mengambil dan menghisap candu. Malah, mereka juga terpaksa hidup dalam kelompok dan berpuak-puak dengan pergaduhan, pergolakan atau penindasan antara sesama puak sering berlaku seperti yang dinyatakan oleh Gullick:

The Chinese mining camps were themselves centers of turbulence. In each tin-field there were a considerable number of small mines and each working gang of miners lived a communal existence in a single large hut called a 'kongsi'. It was a grim monastic existence of hard work and strict discipline received by wild jags in the drink shops, opium-dens, brothels and gambling hall. Prospect of survival and success were more uncertain as the mine might fail, death by malaria or other disease was common and there were murderous fends between the gangs of miners. (CO 716/2 1931)

Penghisap candu terutamanya buruh lombong bijih timah sangat bergantung dengan candu dalam kehidupan harian mereka. Selain mengisi kesunyian hidup, buruh Cina ini menghisap candu disebabkan harga candu yang dijual adalah lebih murah sekiranya dibandingkan dengan harga candu di negara mereka sendiri. Situasi ini menyebabkan orang-orang Cina amat mudah membeli candu dan harga candu yang murah pula seolah-olah memberi galakan kepada mereka untuk membeli sehingga mereka ketagihan candu (CO 717/5 1921).

## **Kesimpulan**

Tuntasnya, penglibatan orang Cina dalam pajakan candu telah berlaku sebelum campur tangan British pada tahun 1909 lagi. Penglibatan mereka dalam kegiatan ekonomi menjadi fokus pihak pemerintah kerana penglibatan mereka membawa pulangan keuntungan yang baik. Pemerintah memberi kelulusan kepada pemodal Cina yang menawarkan bayaran pajakan yang tinggi untuk mengusahakan kegiatan ekonomi tersebut. Walaupun demikian, selepas campur tangan British khususnya selepas penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri pada tahun 1905, kegiatan mereka mula dikawal melalui pindaan undang-undang. Majoriti pemodal yang terlibat dalam kegiatan candu ini ialah pemodal Cina. Selain itu, orang Cina yang berhijrah ke Kedah pula terlibat dalam pelbagai peranan, misalnya sebagai buruh, peniaga,

pelombong dan sebagainya. Fokus utama pemodal Cina serta buruh-buruh ini pula adalah untuk mengembangkan kegiatan mereka tanpa sekatan, walaupun beroperasi di negeri orang. Pihak British sedar bahawa pergantungan para buruh dengan candu, judi dan arak akan menyebabkan barang-barang tersebut berterusan menjadi keperluan penting bagi buruh-buruh Cina. Justeru, British membiarkan pemodal-pemodal Cina untuk mengendalikan ladang-ladang serta memberikan perbelanjaan dan pinjaman untuk mereka terus terlibat dalam sebarang kegiatan ekonomi di Kedah.

Selanjutnya, pajakan candu menjadi penyumbang penting kepada pendapatan kerajaan malah turut diakui dalam setiap laporan tahunan negeri bahawa keuntungan daripada monopoli candu itu adalah yang utama. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya kegiatan penjualan candu menjadi fokus orang Cina untuk mengumpul kekayaan. Pertambahan penduduk Cina yang berperanan sebagai buruh di Kedah juga menjadikan permintaan terhadap candu adalah besar. Akhirnya, penubuhan Jabatan Monopoli dan Kastam negeri menunjukkan kawalan secara langsung oleh pihak kerajaan dalam menentukan bilangan pemajak candu dan lesen yang dikeluarkan menyebabkan pengaruh orang Cina dalam kegiatan candu semakin berkurangan.

## Nota

1. Candu atau dalam bahasa Inggeris dipanggil *opium* merujuk kepada dadah yang dikategorikan dalam jenis psikotropik. Dadah jenis ini kebiasaannya digunakan oleh mereka yang sentiasa berada dalam masalah seperti kebimbangan dan kegelisahan. Selain itu, terdapat juga dadah-dadah lain seperti heroin dan morfina. Kedua-dua jenis dadah ini memiliki fungsi yang sama dengan candu.
2. Candu-candu tersebut asalnya diimport dari Turki, India dan China dan kemudiannya dihantar ke Negeri-negeri Selat. Seterusnya, candu-candu tersebut dihantar pula ke Negeri-negeri Melayu terutamanya kawasan perlombongan bijih timah yang mempunyai ramai orang Cina.
3. Tugas *chinteng* adalah untuk menjadi penjaga terhadap candu-candu yang dibawa masuk mahupun yang dibawa keluar. *Chinteng* juga akan melakukan pekerjaan seperti menimbang barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negeri disebabkan terdapat candu yang dibawa masuk dari luar, misalnya dari Pulau Pinang yang menggunakan kereta api. *Chinteng* harus memastikan setiap candu yang dibawa masuk ke dalam negeri cukup jumlahnya. Seandainya jumlah pasu candu tersebut tidak cukup atau hilang, *chinteng* perlu bertanggungjawab dan dibawa ke balai polis dan seterusnya ke mahkamah untuk dibicarakan. Selain itu, *chinteng* turut berperanan mengutip hasil-hasil minuman di mana-mana daerah mereka berkhidmat. Setiap *chinteng* juga mempunyai nombor kerja masing-masing bagi memudahkan senarai pekerjaan mengikut jabatan. Mereka yang akan dinaikkan pangkatnya pula haruslah memiliki

syarat-syarat untuk menjawat jawatan tersebut. Sebagai contoh, seseorang *chinteng* itu harus boleh menulis, membaca huruf Jawi dan Roman mengikut piawaian pendidikan untuk kenaikan pangkat.

4. “Ampun kurnia” merupakan alat yang digunakan oleh sultan untuk menarik atau mengekalkan kesetiaan pembesar-pembesar melalui habuan ekonomi. Sebagai contoh, sultan menghadiahi sesiapa yang dikehendakinya tanah dan hak mengutip cukai. Hasil cukai yang dikutip itu pula harus diserahkan kepada sultan kerana sultan tidak mahu pembesar menjadi lebih kaya daripadanya.
5. Candu kerajaan merupakan candu yang telah dijual oleh penguasa candu kepada individu yang memegang lesen serta kepada tahi candu atau penghisap candu.
6. Setiap penghisap candu akan diberikan sekeping kad pendaftaran untuk mengesahkan diri mereka dan kad tersebut perlu dibawa bersama bagi tujuan semakan semasa ingin mendapatkan candu di kedai candu kerajaan. Sekiranya penghisap candu berpindah ke daerah lain, pendaftaran yang baharu harus dilakukan seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri.

## Rujukan

- Amer Fawwaz Mohamad Yasid dan Noraini Zulkifli. 2021. Ketagihan candu di Tanah Melayu Sehingga Tahun 1957. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 30(1): 128–142. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol30no1.7>
- Andaya, B.W. and Andaya, L.Y. 1983. *Sejarah Malaysia*. Selangor, Malaysia: Macmillan Press Ltd.
- CO 273/160. 1989. *Report of consular tour in the Malay States and Siamese Province north of Penang. 17 May 1889*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- CO 273/373. 1911. *Memorandum by the adviser to accompany the minute of the Council Meeting of the 11th April 1911*. In CO 273/373/18179, Kedah State Council. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- CO 273/373/13051. 1911. *Perkara yang sudah dimesyuaratkan di dalam Majlis Negeri pada 11 Februari 1911*. In CO 273/373/18179, Kedah State Council. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- CO 273/399/22173. 1913. *International opium convention, 5 June 1913*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- CO 716/1. 1912–1913. The annual report of the adviser to the Kedah government for the year 1331 AH (11 December 1912–30 November 1913). Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1911. *The annual report of the adviser to the Kedah government for the year 1329 AH (2nd January–21st December 1911)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1910. *The annual report of the adviser to the Kedah government for the year 1328 AH (1910)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1909–1910. *The annual report of the adviser to the Kedah government for the year 1327 AH (23rd January 1909–12th January 1910)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.

- CO 716/2. 1931. *Annual report on the social and economic progress of the people of the state of Kedah for the year 1350 (1931)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1922–1923. *The annual report of the British adviser to the Kedah government for the year 1341 AH (23rd August 1922–13th August 1923)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1921–1922. *The annual report of the British adviser to the Kedah government for the year 1340 AH (4th December 1921–22nd August 1922)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- CO 717/15. 1921. *Government of Kedah estimates 1340 (1921)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- CO 717/5. 1921. *Kedah estimates of revenue and expenditure 1340 (1921)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- CO 717/5/59813. 1921. *Kedah State Council minute, 1340 (1921)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Faridah Mahaidin. 1983. Sejarah Pekan Yan dari segi ekonomi dan pelajaran. In *Beberapa aspek sejarah Kedah*, ed. K.K. Khoo, 46. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Jen, L.D. 1982. *British Malaya: An economic analysis*. Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis.
- Kedah Annual Reports*. 1905–1911. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Lim, S.F. and Nordin Hussin. 2017. Sejarah pembasmian penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat tahun 1908–1940. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 13(4): 56–67.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah dan sosioekonomi wanita Melayu Kedah, 1881–1940*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marimuthu, J. and Mohd Firdaus Abdullah. 2020. Opium smoking suppression campaigns and the role of anti-opium movements in the Federated Malay States, 1906–1910. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 47(3): 31–57.
- Marimuthu, J. and Nair, S. 2020. Candu dan dasar monopoli kerajaan: Kesan terhadap kewangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1911–1940. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 29(1): 96–116. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol29no1.6>
- Mohd Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mustafa Tam. 1970. A note of law. *Kedah dari Segi Sejarah* 4(1): 28.
- Nadaraja, K. 2016. *The Kuala Muda district: History of the administrative centres of Kota Kuala Muda and Sungai Petani, 1905–1957*. Kedah, Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- Purcell, V. 1984. *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Rozaini Ahmad and Mohd Annas Shafiq. 2021. Penglibatan orang Cina dalam sektor perladangan getah di Kedah 1909–1941. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 48(1): 46–70.
- Sharom Ahmat. 1970. The structure of the economy of Kedah, 1879–1905. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43(2): 1–24.

- SUK K 1458/1331. 1913. *Minute of the State Council Meeting held on 1913*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- SUK K 2685/1351. 1933. *Estimates of revenue of the Monopolies and Customs Department Kedah for the year 1352 (1933)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- SUK K 2747/1351. 1932. *Amendments of the rules governing the registration of chandu smokers, 1932*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- SUK K 2905/1338. 1920. *Reorganization of Monopolies and Customs 1920*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- SUK K 3891/1352, Closure of Register for Opium Smokers. 1934. *Memo from acting "pemangku" under secretary Kedah government to Superintendent Monopolies and Custom, Alor Setar*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- SUK K 862/1347. 1927. *Annual report of the Monopolies and Customs Department Kedah for the year 1346 (1927)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, 1919–1920, No. 14*. 1920. Perkara 6. Peraturan candu yang dijual kepada orang yang memegang lesen yang sudah di mesyuaratkan di dalam Majlis Negeri pada 9.2.1920. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- The Chandu Enactment 1337. 1919. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 2006. *Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid 1882–1943*. Paper presented at the Bengkel Naskhah Kesultanan Melayu I, Hotel Quality, Kuala Lumpur, 2–5 July.
- Wong, L.K. 1965. *The Malayan tin industry 1914: With special reference to the state of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang*. Tuscon, AZ: University of Arizona Press.
- Wu, X.A. 2003. *Chinese business in the making of a Malay state, 1882–1941: Kedah and Penang*. London: Routledge.
- \_\_\_\_\_. 1999. Chinese family business network in the making of a Malay state: Kedah and the region c. 1882–1941. PhD diss., University van Amsterdam.